

## BAB II

### TEKNOLOGI MEMBUAT SIGAH

#### 2.1 Pengenalan

Sigah yang terdapat di Sabah boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu:

1. Sigah tenunan
2. Sigah sulaman
3. Sigah kain biasa

Ketiga-tiga jenis kain sigah mempunyai teknologi pembuatan yang berbeza. Bagaimanapun sigah jenis kain biasa lebih merupakan barang siap peringkat kedua dan bukan dihasilkan sepenuhnya oleh pembuat sigah atau masyarakat yang memakai sigah. Untuk kajian ini tumpuan akan diberikan kepada sigah tenunan dan sigah sulaman. Ini kerana kedua-dua jenis sigah ini merupakan budaya benda yang bukan saja mencerminkan penggunaan tetapi juga menggambarkan kreativiti dan kesenian masyarakat yang menggunakan dan membuatnya.

Kajian teknologi ini akan memberikan perhatian kepada asal-usul kedatangan teknologi sigah di Sabah sama ada yang bersifat tempatan atau serantau. Bahagian ini juga akan mengupas teknologi kebendaan yang terlibat dari segi nama, kegunaan, kedudukan alat tersebut dalam set alat menenun atau alat menyulam. Selain daripada itu akan diberikan juga saiz dan ukuran peralatan dan dari bahan apa ia dibuat. Semua ini akan menjadi asas perbincangan teknologi membuat sigah.

Selain daripada peralatan yang digunakan, bab ini juga akan menghuraikan proses-proses yang terlibat dalam pembuatan sigah seperti proses memintal benang kapas cara tradisional, proses mewarnakan benang secara tradisional dan juga proses pemasangan dan akhir sekali proses menenun. Cara-cara memakai sigah akan menutup bahagian teknologi pembuatan sigah.

## 2.2 Sigah Tenunan di Sabah

Sigah tenunan yang terdapat di Sabah dihasilkan oleh kaum Irranun dan Bajau di Daerah Kota Belud. Kaum Kadazan di daerah Penampang juga ada menghasilkan sigah tenunan. Walau bagaimanapun menurut Puan Lasimbang<sup>9</sup>, Kaum Kadazan Penampang banyak mempelajari teknik tenunan sigah dari kaum Irranun dan Bajau. Perkara-perkara yang dipelajari adalah terutamanya rekaan motif dan corak motif.

Mengikut temubual pengkaji dengan orang-orang tua dari seluruh negeri Sabah,<sup>10</sup> mereka sependapat bahawa sigah tenunan adalah dihasilkan oleh kaum Irranun dan Bajau di Kota Belud. Walaupun sigah tenunan ini dihasilkan oleh suku Irranun dan Bajau tetapi adalah jelas bahawa kelengkapan berpakaian ini juga digunakan dengan meluas oleh kaum-kaum lain seperti Kadazan Dusun, Rungus, Kadazan Papar, Kimaragang, Sonsogon, Dusun Lotud serta Irranun dan Bajau sendiri.

<sup>9</sup> Puan Lasimbang pengkaji temui semasa konvokesyen 1990/91 di Universiti Malaya. Beliau adalah seorang yang sangat berpengetahuan tentang pakaian tradisional Kadazan dan sering diundang membuat/melipat sigah untuk dipakaikan kepada orang-orang kenamaan.

<sup>10</sup> Pengkaji menemui mereka semasa pesta Kaamatian peringkat negeri Sabah pada 30 dan 31 Mei 1991 di Penampang. Antara kaum yang terlibat ialah kaum Kadazan Papar, kaum Dusun Begahak, kaum Lotud, kaum Rungus dan Kadazan Penampang.

### 2.2.1 Sejarah Seni Menenun di Sabah

Sebagai satu simbol tamadun manusia, seni menenun di Sabah telah banyak mengalami perubahan. Seni menenun di Sabah sebenarnya bermula dengan penggunaan kulit kayu (Alman 1963: 66). Kulit kayu itu mula-mula dibuka dari batang kayu dengan cara memukulnya dengan menggunakan sebatang kayu lain hingga seluruh bahagian kulit kayu itu hancur-lari. Kulit kayu itu kemudian dibuka perlahan-lahan untuk dicuci dan dikeringkan. Helaian-helaian kulit kayu itu yang berada dalam keadaan ~~seperuh bercaunti~~ kemudiannya dikuatkan dengan menjahitkan benang tradisional melintangi helaian-helaian kulit kayu itu. Benang tradisional yang digunakan untuk tujuan ini adalah dibuat daripada kapas (Cossypium auboreum). "These cotton tree and tumbah leaves represent the very step in weaving" (Alman 1963: 61).

Pokok kapas tersebut didapati tumbuh di sekitar kampung. Sementara itu jarum yang digunakan untuk tujuan ini adalah dibuat daripada tulang atau tanduk. Setelah kulit kayu itu dikuatkan dengan jahitan ia akan dipotong untuk dijadikan pakaian. Biasanya pakaian kulit kayu ini terbuka sahaja di bahagian depan. Di kawasan Sook Lanas, Keningau, kulit kayu Pekakang dianggap sebagai bahan yang paling baik untuk dijadikan pakaian.

Penggunaan kulit kayu sebagai pakaian mula mendapat saingan apabila pedagang-pedagang India mula datang berdagang di Asia Tenggara. Apabila penduduk tempatan melihat kelebihan yang terdapat pada kain kapas yang dibawa oleh pedagang India, mereka telah mula untuk menanam kapas secara teratur untuk mendapatkan bekalan yang tetap dan mula menenun dengan menggunakan benang kapas (Alman 1963: 61). Kedatangan

## 2.2.1 Sejarah Seni Menenun di Sabah

Sebagai satu simbol tamadun manusia, seni menenun di Sabah telah banyak mengalami perubahan. Seni menenun di Sabah sebenarnya bermula dengan penggunaan kulit kayu (Alman 1963: 66). Kulit kayu itu mula-mula dibuka dari batang kayu dengan cara memukulnya dengan menggunakan sebatang kayu lain hingga seluruh bahagian kulit kayu itu hancur-larai. Kulit kayu itu kemudian dibuka perlahan-lahan untuk dicuci dan dikeringkan. Helaian-helaian kulit kayu itu yang berada dalam keadaan ~~separuh~~ bercahaya kemudiannya dikuatkan dengan menjahitkan benang tradisional melintangi helaian-helaian kulit kayu itu. Benang tradisional yang digunakan untuk tujuan ini adalah dibuat daripada kapas (Gossypium arboreum). "These cotton tree and lumbah leaves represent the very step in weaving" (Alman 1963: 61).

Pokok kapas tersebut didapati tumbuh di sekitar kampung. Sementara itu jarum yang digunakan untuk tujuan ini adalah dibuat daripada tulang atau tanduk. Setelah kulit kayu itu dikuatkan dengan jahitan ia akan dipotong untuk dijadikan pakaian. Biasanya pakaian kulit kayu ini terbuka sahaja di bahagian depan. Di kawasan Sook Lanas, Keningau, kulit kayu Pekakang dianggap sebagai bahan yang paling baik untuk dijadikan pakaian.

Penggunaan kulit kayu sebagai pakaian mula mendapat saingan apabila pedagang-pedagang India mula datang berdagang di Asia Tenggara. Apabila penduduk tempatan melihat kelebihan yang terdapat pada kain kapas yang dibawa oleh pedagang India, mereka telah mula untuk menanam kapas secara teratur untuk mendapatkan bekalan yang tetap dan mula menenun dengan menggunakan benang kapas (Alman 1963: 61). Kedatangan pedagang-pedagang India telah memperkenalkan kain kapas yang halus dan


cantik bentannya berbanding dengan kulit kayu yang dipakai oleh penduduk tempatan.

### 2.2.2 Memintal Benang Tradisional

Benang tradisional merupakan bahan mentah utama tekstil tradisional. Dalam pembuatan sigah ia juga adalah merupakan bahan asas terutama sigah tenunan. Memintal kapas untuk dijadikan benang dilakukan dengan berbagai cara tetapi pada prinsipnya adalah sama. Tenaga manusia merupakan tenaga utama yang digunakan dan teknik yang digunakan adalah teknik 'pilihan'. Cara membuat benang ialah dengan mula-mula mengambil segumpal benang dan kemudiannya ditarik sedikit demi sedikit sambil diputar dengan jari untuk tujuan pilinan. Benang yang dihasilkan dililitkan pada sepotong kayu atau bambu kecil (Endang 1979:23).

Rajah 1 menunjukkan bagaimana masyarakat Rungus memintal benang. Mula-mula segumpal kapas diambil dan dipegang di sebelah tangan kanan. Tangan kiri menarik kapas itu sedikit demi sedikit dan penarikan itu diselangi dengan memutarkan kayu kecil yang mempunyai roda-roda. Ini berujuan untuk melilitkan benang yang telah dipilih oleh tangan kiri. Pilinan tangan kiri dilakukan semasa roda-roda itu berputar. Piring kecil bertujuan untuk menetapkan kedudukan roda-roda supaya berpusing di tempat yang sama.


Terdapat juga cara memintal benang yang menggunakan konsep yang sama tetapi dengan peralatan yang berlainan (Rajah 2). Pemintalan seperti ini didapati dalam masyarakat Rungus pada tahun 50an hingga awal 70an. Ada kemungkinan teknik adalah hasil peniruan teknik dari



Dilukis oleh  
Salleh Ij. Sibil  
Universiti Malaya

Rajah 1

Memintal benang tradisional (Rungus)  
(pilinan roda-roda)



Rajah 2

Memintal benang tradisional

masyarakat lain. Encik Daang Ompirang<sup>11</sup> menjelaskan bahawa teknik yang menggunakan roda-roda berpusing ituiah yang benar-benar merupakan teknik tradisional Rungus.

Sebenarnya teknik pemintalan benang tradisional di Sabah adalah mempunyai persamaan di antara berbagai kaum iaitu teknik pilinan dengan menggunakan jari dan alat penggulung.

Pada masa ini benang-benang import lebih banyak digunakan dalam kraf tangan tradisional yang melibatkan penggunaan benang. Menurut Puan Lidangan<sup>12</sup> benang yang dibeli dari kedai lebih digemari kerana ia mudah diperolehi serta lebih murah berbanding dengan masa dan tenaga yang digunakan untuk mendapatkan benang tradisional. Selain daripada itu benang import juga mempunyai warna yang lebih terang dan tahan luntur berbanding dengan warna benang tradisional yang diperolehi dari alam semula jadi.

Dalam konteks sigah tenunan, pada masa dahulu benang tradisional menjadi bahan asas untuk menenun sigah. Menurut Encik Haji Abdul Rahman<sup>13</sup> dahulu, untuk mendapatkan benang yang secukupnya untuk membuat sehelai sigah memerlukan masa di antara satu hingga dua bulan. Ini termasuklah proses memintal dan mewarna. Peralihan masa telah menyebabkan fungsi

---

<sup>11</sup> Encik Daang Ompirang merupakan datuk pengkaji. Beliau merupakan seorang yang arif tentang sistem adat kaum Rungus. Beliau juga telah menunjukkan cara-cara memakai sigah kaum Rungus.

<sup>12</sup> Puan Lidangan Bt Haji Abdul Rahman merupakan seorang penenun yang mewarisi seni itu dari ibu beliau. Beliau sering diundang untuk mengadakan pertunjukan menenun oleh muzium Sabah dan badan-badan pelancongan di Sabah.

<sup>13</sup> Encik Haji Abdul Rahman adalah bapa kepada Puan Lidangan. Walaupun beliau kurang terlibat secara langsung dengan pekerjaan menenun tapi beliau selalu terlibat di peringkat penyediaan bahan tenunan (pewarna, pemasangan benang pada set penenun dan sebagainya). Beliau berbangsa Irranun, berusia 73 tahun.

benang tradisional diambil sedikit demi sedikit oleh benang-benang import yang lebih baik.

### 2.2.3 Pewarnaan Benang Tradisional

Proses mewarnakan benang tradisional merupakan proses yang kedua terlibat selepas benang tradisional diperolehi. Ia akan diwarnakan dengan beberapa jenis pewarna tradisional. Bagaimanapun benang-benang import yang dibeli juga akan melalui proses ini kerana benang import yang diperlukan untuk menenun hanya ada dalam warna putih.

Bagi masyarakat Irranun dan Bajau, mewarnakan benang tradisional atau benang import bukanlah perkara yang asing. Menurut Hajjah Hadiah Abdul Rahman,<sup>14</sup> pengetahuan mengenai resepi pewarnaan tradisional dipelajari dari pada ibunya. Pengetahuan itu telah diwarisinya sejak turun temurun lagi.

Benang-benang yang diwarnakan bukan sahaja digunakan untuk membuat sigah tetapi juga turut digunakan untuk membuat 'kain Mogah'. Kain Mogah ialah kain yang digunakan untuk tikar sembahyang, selendang dan perhiasan dinding.

Setengah ramuan herba dan tumbuhan atau teknik pewarnaan Irranun dan Bajau mempunyai persamaan dengan teknik-teknik pewarnaan kaum lain di Sabah seperti Rungus, Kadazan Dusun, Murut dan Brunei.

---

<sup>14</sup>Hajjah Hadiah Aishah adalah isteri kepada Encik Haji Abdul Rahman. Dianggar telah menyiapkan lebih 200 helai sigah. Beliau banyak membantu pengkaji mengenai nama corak dan motif.

#### 2.2.4 Sumber Pewarna Tradisional

Kegemaran masyarakat di Borneo untuk menggunakan warna hitam dan merah dari berbagai peringkat warna ini telah memberikan ilham kepada pihak Muzium Sabah untuk menamakan kedua-dua warna ini sebagai warna-warna Borneo. Kedua-dua warna ini sering digunakan dalam corak dan kombinasi motif dengan menggunakan dasar yang berwarna pucat, keputihan, tanpa warna dan juga dasar yang gelap (Muzium Sabah: 1991).

Walaupun terdapat persamaan sumber bahan pewarna di kalangan masyarakat tempatan tetapi kerja-kerja pewarnaan mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Perbezaan berlaku mengikut tempat (Muzium Sabah: 1991).

Bagi perwarnaan dalam kegiatan menenun, kaum Irranun dan Bajau banyak menggunakan warna-warna seperti merah (Ir: mariga), hitam (Ir: maitam), kuning (Ir: gadung) dan ungu. Setiap warna ini mempunyai bahan dan cara tertentu untuk menghasilkannya.

##### (a) Merah (Ir: Mariga)

Terdapat beberapa teknik dan bahan untuk mendapatkan warna merah. Cara yang biasa ialah dengan merebus tarahan kulit kayu Sapang (Caesalpinia sappan) atau Sibukao dalam bahasa Irranunnya. Gentian yang hendak diwarnakan seperti benang dan rotan dimasukkan dan direbus bersama-sama selama beberapa jam.

Warna merah juga boleh diperolehi daripada akar Bengkudu (Morinda citrifolia) yang ditumbuk dan direbus dengan kapur sirih. Warna ini juga biasa digunakan untuk mewarnakan gentian rotan, benang, dan kain. Bahan yang hendak diwarnakan direndamkan dalam larutan itu dan dididih-

Jadual 1

Beberapa Spesis Tumbuhan, Sumber Pewarna Asli

1.	Famili/Family	:	LEGUMINOSAE
	N. Botani/Botanical name	:	<u>Caesalpinia sappan</u> Linn, Ridley
	N. Tempatan/Local name	:	SAPANG (BM, K/D, BRU), SIBUKAU (BAJ, IRR)
2.	Famili/Family	:	MELASTOMATACEAE
	N. Botani/Botanical name	:	<u>Melastoma malabathricum</u> Linn, Ridley
	N. Tempatan/Local name	:	SENDUDUK (BM), GOSING/GAAGABANG (K/D)
3.	Famili/Family	:	ZINGIBERACEAE
	N. Botani/Botanical name	:	<u>Curcuma longa</u> L.
	N. Tempatan/Local name	:	KUNYIT (BM/BRU), KUNIT (K/D, MUR)
4.	Famili/Family	:	LEGUMINOSAE
	N. Botani/Botanical name	:	<u>Indigofera cf tinctoria</u>
	N. Tempatan/Local name	:	TAHUM (K/D RUNG)
5.	Famili/Family	:	BIXACEAE
	N. Botani/Botanical name	:	<u>Bixa orellana</u> Linn
	N. Tempatan/Local name	:	KESUMBA (BM), PULOG (MUR)
6.	Famili/Family	:	RUBIACEAE
	N. Botani/Botanical name	:	<u>Morinda citrifolia</u> Linn, Ridley
	N. Tempatan/Local name	:	Bengkudu (BM), BINGKUDU (K/D)
7.	Famili/Family	:	LYTHRACEAE
	N. Botani/Botanical name	:	<u>Lawsonia inermis</u>
	N. Tempatan/Local name	:	INAI/PACAR (BM, BRU)

Petunjuk:

1.	BAJ	:	BAJAU
2.	BM	:	BAHASA MALAYSIA
3.	BRU	:	BRUNEI
4.	IRR	:	IRRANUN
5.	K/D	:	KADAZAN/DUSUN
6.	K/D RUNG	:	KADAZAN/DUSUN RUNGUS
7.	MUR	:	MURUT

Sumber: Muzium Sabah, 1991

kan selama beberapa jam.

Satu lagi pewarna khas untuk mewarnakan rotan dan bambu ialah dengan mengeluarkan getah dari kulit buah rotan yang dipanggil "dragons blood" (Daemonorhops didymophyllus) atau Lalandang dalam bahasa MÌrut. Buah rotan yang masak dimasukkan dalam keranjang dan digoncangkan hingga air dan getah terkeluar dari buah rotan itu. Air dan getah itu kemudiannya dipanaskan hingga menjadi kental dan pekat. Bahan itu dilekatkan pada hujung kayu kecil dan disimpan seperti gula-gula "lollipop". Apabila warna merah diperlukan, bahan itu dipanaskan sedikit dan digosokkan kepada bambu atau rotan yang hendak diwarnakan.

(b) Hitam (Ir: Maitam)

Warna hitam boleh diperolehi daripada daun dan tangkai pokok Tarum (Ir: Ru) (Indigofera cf tinctoria) atau Indigofera cf anil). Daun dan batang tumbuhan ini ditumbuk di atas benang yang ingin diwarnakan. Tumbuhan ini akan mengeluarkan cecair yang kehitam-hitaman. Air kehitaman yang bertakung di tempat menumbuk itu dikumpulkan dan dipanaskan (tidak mendidih). Ini untuk mengekalkan pigmen hitam yang terdapat dalam larutan itu.

Benang yang telah diwarnakan secara 'tumbukan' sebelum ini direndamkan dalam larutan itu untuk mendapatkan warna yang lebih rata. Ia direndam selama tiga hingga empat jam. Selepas itu benang itu disidai di tempat teduh untuk dikeringkan. Proses merendam dan mengeringkan ini dilakukan berulang-ulang hingga mendapatkan peringkat kepekatan warna yang dikehendaki. Proses menumbuk hanya terlibat di peringkat awal dan tidak terlibat lagi dalam proses pengulangan.

Untuk mendapatkan warna biru tua proses rendam-kering diulang sebanyak dua hingga tiga kali. Untuk mendapatkan warna hitam proses ini hendaklah diulang sebanyak 10 hingga 12 kali.

(c) Kuning (Ir: Binaning)

Warna kuning lazimnya diperolehi daripada kunyit (Cucuma longa L.) iaitu sejenis tumbuhan daripada keluarga halia yang banyak terdapat di Asia Tenggara. Kunyit itu ditumbuk kemudiannya dicampurkan dengan air untuk mendapatkan larutan kuning. Benang yang hendak diwarnakan direndamkan dalam larutan tersebut. Untuk mendapatkan warna kuning yang cerah, larutan itu dicampurkan dengan sedikit air limau nipis atau asam jawa.

(d) Oren (Ir: Kurit)

Untuk mendapatkan warna oren, larutan kuning dari kunyit itu dicampurkan dengan kapur sirih (atau Apug (Ir: Ru) dengan cara menggaulkannya. Benang yang hendak diwarnakan direndamkan dalam larutan ini.

(e) Hijau (Ir: Gadung)

Warna hijau secara mudahnya dapat diperolehi dengan mencampurkan warna kuning dari kunyit dengan warna biru dari peringkat kedua atau ketiga proses pengulangan mendapatkan warna hitam. Caranya ialah dengan merendamkan benang terlebih dahulu dengan warna biru dan dikeringkan. Setelah kering benang itu direndamkan sekali lagi dalam larutan kuning untuk menghijaukan benang itu.

Satu lagi cara untuk mendapatkan warna hijau ialah dengan menumbuk daun lada dan daun tarum (Ir: Ru). Selepas itu sedikit air

dicampurkan untuk mendapatkan larutan hijau. Benang putih yang hendak diwarnakan kemudiannya direndamkan dalam larutan tersebut.

- (f) Ungu - diperolehi dari buah ngdapor. Benang dididihkan bersama dengan buah untuk mewarnakannya. (1r).

Untuk mempastikan warna-warna tersebut tidak luntur, benang putih yang hendak diwarnakan itu hendaklah direndamkan terlebih dahulu dalam rebusan pokok girak (Ir). Selepas itu benang putih itu dikeringkan dan proses mewarna bolehlah dimulakan.

#### 2.2.5 Peralatan Menenun Kaum Irranun

Dalam proses menenun, semua kerja dijalankan dengan menggunakan tenaga manusia dengan bantuan peralatan menenun. Pada umumnya konsep yang digunakan untuk adalah sama di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Di Sabah misalnya, peralatan menenun kaum Rungus dan kaum Irranun mempunyai banyak persamaan.

Terdapat lebih dari 20 jenis peralatan menenun kaum Irranun. ini tidak termasuk peralatan yang terlibat dalam proses-proses awalan seperti proses mewarna dan membuat benang.

##### Nama<sup>15</sup> dan Kegunaan Alat Menenun (Rajah 3)


###### (a) Aram

Benang berwarna yang digunakan untuk membuat corak di atas benang latar.

###### (b) Aulen

Benang yang sedang ditenun iaitu bahagian benang yang menegak (warp).

<sup>15</sup> Nama peralatan menenun di sini adalah dalam bahasa Irranun iaitu perkataan yang bergaris. Jika terdapat nama lain seperti istilah Bajau tanda (Baj) akan diletakkan.



Rajah 3

Set alat menenun Irranun

- (c) Barira (sword for beaten-in)

Alat untuk mengetatkan tenun.

- (d) Bibitan sa pakan (shed stick)

Alat yang digunakan untuk membuat kiraan ke atas benang yang menegak. Kiraan adalah dengan mengambil benang-benang yang genap dan meninggalkan benang-benang yang ganjil. Kiraan juga boleh dilakukan sebaliknya. Benang melintang (weft) kemudian dimasukkan melalui ruang antara benang genap dan benang ganjil kemudian diketatkan dengan barira. Warna benang melintang dan benang menegak adalah sama oleh itu tiada corak atau motif dihasilkan. Alat yang digunakan untuk memisahkan benang genap dan benang ganjil ialah Bubungen (Ir). Sila rujuk (f) Bubungen.

- (e) Bibitan sa aram (shed stick for pattern)

Fungsinya adalah sama dengan Bibitan sa pakan tetapi alat pembuat kiraan ini digunakan khas untuk melakukan kiraan benang menegak untuk menghasilkan corak dan motif. Oleh itu jurlah kiraan adalah tidak tetap dan mengikut bentuk dan saiz motif yang ingin dihasilkan.

Alat ini dibuat daripada kayu.

- (f) Bubungen (heddle)

Alat yang digunakan untuk memisahkan dua set benang iaitu benang genap (even threads) (2,4,6,8,10...) dan benang ganjil (odd threads) (1,3,5,7,9...). Pemisahan benang dilakukan dengan meninggikan benang dan merendahkan benang ganjil atau sebaliknya dengan menegakkan bubungen yang berbentuk leper panjang itu. Bubungen dimasukkan setelah bibitan sa aram atau bibitan sa pakan membuat kiraan masing-masing.

(g) Dapi (back strap)

Alat yang dilapikan di bahagian punggung penenun dengan tiga tujuan iaitu untuk menyambungkan badan penenun dengan benang yang sedang ditenun, membolehkan penenun menyesuaikan ketegangan benang misalnya benang perlu ditegakkan semasa barira mengetatkan tenunan dan ketegangan sederhana semasa membuat kiraan oleh alat bibitan. Fungsi yang ketiga ialah untuk tempat penenun bersandar sambil bekerja.

(h) Kinatig dan Pasiga

Kinatig ialah tali yang digunakan uncuk mengikat Pasiga. Pasiga pula adalah sebatang bambu yang digunakan oleh penenun untuk berpijak (sambil duduk) supaya ia tidak tertarik ke depan oleh keberatan peralatan menenun. Ini juga merupakan cara untuk menegakkan dan mengendurkan aulen. Fungsinya adalah berkait rapat dengan dapi. Semasa ia meluruskan kakinya dan menegakkan badan, aulen akan tertarik dan tegang kerana ia tersambung di badan penenun melalui dapi. Kinatig diikatkan pada Paliogit yang bertindak seperti paku yang boleh diubah-ubah kedudukannya. Ia akan diubah mengikut kesesuaian penenun dan pertambahan kain yang ditenun.

(i) Liliden

Alat tambahan yang digunakan untuk meluruskan menetapkan kedudukan benang-benang aulen. Ia terletak di antara Saulaya dengan Bubungen (heddle). Ini untuk memudahkan kiraan dibuat. Batang liliden dibuat daripada bambu.

(j) Palatih

Bahagian yang dililit dengan tiniker (benang yang akan ditenun).

Bahagian ini berada dalam alat tulak. Rujuk tulak.

(k) Paguta

Merupakan tiang dan palang untuk Saulayak berpaut. Biasanya Paguta dibuat daripada bambu. Kadang-kadang tiang-tiang yang terdapat pada dinding rumah tradisional juga boleh menjalankan fungsi Paguta.

(l) Saulayak (warp beam)

Sebatang bambu untuk aulen berpaut tetapi bukan diikatkan. Sila rujuk gambarajah 3.

(m) Tulak (shuttles)

Merupakan sebatang kayu yang berbentuk leper. Panjangnya kira-kira 25 sm, 3/5 daripada panjang tulak berbentuk leper dan 2/5 lagi berbentuk bulat. Bahagian bulat mempunyai diameter 1/2 daripada saiz leper tulak. Bentuk leper adalah bertujuan untuk memudahkan penenun memasukkanya ke dalam ruang yang disediakan oleh Bubungen dan bentuk bulat adalah untuk tempat melilitkan benang iaitu bahagian palatin (Rujuk palatih). Tulak digunakan untuk membawa benang merintangi benang menegak melalui ruang yang disediakan oleh Bubungen.

(n) Taro'an (breast beam)

Fungsinya adalah sama dengan Saulayak iaitu tempat aulen berpaut tetapi ia berada di sebelah penenun. Hujung-hujung Taro'an diikatkan pada Dapi di belakang penenun.

(c) Surud dan Parupuk (reed)

Alat ini berbentuk sikat. Ia seperti kulit tebu yang dibelah nipis-nipis bertujuan untuk memisahkan benang-benang terengak. Parupuk diapit oleh kayu laga (ir). Surud dan gantung terletak di antara Burira dan benang melintang yang terakhir diketarkan. Ini bermakna Surud dan Parupuk dihentakkkan bersama-sama dengan benang melintang oleh Burira.


Selain daripada alat-alat menenun yang telah disebutkan, terdapat juga peralatan tambahan yang diperlukan khususnya di peringkat penyediaan benang tenunan. Peralatan sampingan yang dimaksudkan ialah Bintalak, Bekarak dan Sudan.

(a) Bekarak atau bekaran (Baj) (Rajah 4)


Alat yang digunakan untuk mendapatkan gulungan benang yang mempunyai ukur lilit yang besar sebelum dipindahkan ke bintalak. Bekarak boleh dipusingkan untuk melilitkan benang pada tali-tali yang direntangkan di atas cabang atas dan bawah. Setelah lilitan benang cukup banyak maka tali-tali yang direntangkan dari atas ke bawah dibuka dan gulungan benang itu dipindahkan ke bintalak. Ketinggian bekarak ialah di antara 1 hingga 1.2 meter.

(b) Bintalak atau Bidangan (Baj) (Rajah 5)


Alat yang digunakan untuk menyapu kanji pada benang. Gulungan benang dari alat bekarak dipasangkan dengan memasukkan dua anak bidangan (Baj) kemudian anak bidangan itu diikatkan pada rangka bintalak untuk menegangkan benang. Proses mengkanji dilakukan dengan menggunakan sikat (Rajah 5 ) yang dibuat dari sabut kelapa. Kanji disapukan pada benang. Selepas itu bintalak dijemur untuk




Rajah 4 : Bekarak




Rajah 5 : Bintalak dan Sikat



Rajah 6 : Sudan (Ir)



Rajah 7 : Fibedak (Ir), Bumbong (Baj)



Rajah 8 : Teknik lilitan benang di Sudan (Ir)

pengeringan. Panjang bekarak ialah antara 1 hingga 1.2 meter. Lebar 0.5 hingga 0.6 meter.

(c) Sudan atau Usudan (Baj) (Rajah 6)

Benang yang disediakan dalam bintalak dipindahkan ke alat sudan.

Sebenarnya setiap jenis warna benang akan melalui proses di bintalak. Sebelum dipindahkan ke Sudan, benang dari bintalak dibuka dengan menggulungkan benang pada libedak (Rajah 7). Setiap jenis warna benang akan digulungkan pada bumbong (Baj). Benang dari bumbong dipasangkan pada sudan dengan menggunakan teknik lilitan tertentu.(Rajah 8).

Jumlah benang yang dililitkan adalah bergantung kepada bilangan warna yang akan digunakan dan tergantung juga kepada corak asas tenunun. Satek yang menonjol ke atas adalah untuk memberikan ruang kepada bubungen, bibitan, saulayak dan liliden bila benang itu dipindahkan ke set alat menenun.

#### 2.2.6 Proses Menenun

Benang dan alat Sudan dipindahkan ke set alat menenun dengan mencabut satek a bubungen dan satek a bibitan kemudian jari dimasukkan ke Tobang yang tersedia. Kerja ini perlu dilakukan dengan pertolongan orang lain. Hujung benang pasangkan pada Saulayak dan liliden mengambil tempat satek a liliden.

Untuk menenun, bubungen dimasukkan melintangi benang menegak (rujuk 2.4.1 (f)). Dengan menegakkan bubungen ia akan memberikan ruang kepada tulak untuk melalui ruang benang genap dan ganjil. Bila corak

tan motif mula dilakukan alat bibitan sa jaran pula digunakan untuk membuat kiraan benang menegak. Selepas kiraan dibuat bungkus di masukkan dan ditegakkan untuk tulak lalu dan seterusnya.

### 2.3 Sigah Sulaman Suluk Binadan

Sigah Sulaman Suluk Binadan di Sabah seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 182, dapat ditemui di Kudat, Lawau dan Lahad Datu atau umumnya di Pantai Timur dan Utara Sabah.

Sigah seperti ini sangat digemari oleh kaum Rungus di Kudat dan Lun Dayeh di Sipitang. Satu keunikan Sigah Sulaman terutamanya di daerah Kudat ialah pembuatnya iaitu Suluk Binadan lebih gemar membuatnya daripada memakai Sigah ini. Kaum berhampiran pula iaitu Rungus lebih suka memakainya daripada membuatnya sendiri. Dengan lain perkataan, sigah itu dibuat oleh kaum Suluk Binadan untuk dijual kepada kaum Rungus.


Menurut Puan Kambang Bte Lias,<sup>16</sup> sigah sulaman yang terdapat di Kudat adalah berasal dari Lahad Datu, Sabah. Beliau menambah beliau sendiri adalah keturunan orang yang membuat sigah sulaman ini dan beliau adalah generasi keempat yang terlibat dalam aktiviti itu. Bila ditanya bagaimana seni itu sampai di Daerah Kudat, beliau menjelaskan bahawa penyebaran itu berlaku akibat penghijrahan dan perpindahan. Biasanya wanita yang pandai menyulam terpaksa mengikuti suaminya berhijrah. Menurut beliau lagi seni itu dibawa ke Kudat oleh Jandera b.

---

<sup>16</sup>Puan Kambang Bte Lias adalah seorang yang amat berpengalaman dalam seni sulaman. Di Kampung Landung Ayang Laut, beliau merupakan seorang penunjuk ajar kepada sesiapa yang berminat. Beliau kini berusia 63 tahun dan tinggal bersama anaknya Halimah.



Gambar 1 dan 2  
Sigah Sulaman Suluk  
Binadar.



Sulaiman kira-kira 100 tahun dahulu. Jandera ialah seorang berbangsa Suluk.

### 2.3.1 Suluk Binadan

Menurut Encik Hj. Beluar Bin Hamid,<sup>17</sup> suku Suluk yang menetap di Kg. Landung Ayang Laut adalah berasal dari Semporna, Lahad Datu, Tawau dan beberapa tempat lagi di Pantai Timur Sabah. Beliau menambah terdapat juga suku Suluk di Sabah yang memang berasal dari Filipina. Kumpulan Suluk ini mulanya menduduki Pulau-pulau di Filipina Selatan. Menurut beliau lagi terdapat juga Suluk yang memang menjadi penduduk asal di Sabah.

Suluk ialah salah satu keluarga Austronesians yang berasal dari Selatan Filipina bersama-sama dengan Bajau dan Irranun. Mereka telah menduduki Pantai Timur Negeri Sabah sejak 200 tahun dahulu (Kitingan 1989: 360). Merujuk kepada peta etnografi Filipina, suku Suiuk didapati di kepulauan di Selatan Filipina terutamanya Pulau Mindanao. Bagi kaum Irranun; kumpulan Islam di Filipina yang dipanggil sebagai Ranao yang bermaksud tasik. Meranao bermaksud masyarakat yang tinggal di tepi tasik (Saber 1975: 1). Satu lagi penjelasan yang diberikan ialah istilah 'Illanun' adalah berasal dari perkataan 'Ilana' yang bermaksud tasik (Saber 1975: 2).

Menyentuh mengenai hubungan Suluk Binadan dengan Sigah Sulaman, Puan Kambang menjelaskan bahawa hanya suku Suluk di Sabah sahaja yang

---

<sup>17</sup> Encik Haji Beluar bin Hamid adalah Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg. Landong Ayang Laut Kudat. Bapa beliau berbangsa Irranun manakala ibunya Bajau. Beragama Islam dan berumur 45 tahun.

89  
DISTRIBUTION OF PHILIPPINE  
MINORITY GROUPS BY  
LANGUAGE, CULTURE and  
PHYSICAL TYPE

**UZON**

MAJOR GROUPS

- ████ - IWAREG
- ████ - PINEG
- ████ - BAILINGA
- ████ - BONTOK
- ████ - BAPPANG
- ████ - KANKANA
- ████ - IPUGAO
- ████ - BALOY
- ████ - KALANGUYA
- ████ - ILONGOT

MINOR GROUPS

- - IVATAN
- - AURLIN
- - NEGRITO

MINDORO

- ████ - IRAYA
- ████ - ALANGAN
- ████ - BUWID (BATANGAN)
- ████ - BUHID
- ████ - MAUHAN
- ████ - BATAGNON
- ████ - HANUNOO

BISAYAN

- MAJOR GROUPS
- ████ - SULUD
  - ████ - ATA-ATI (NEGRITO)

MINOR GROUPS

- ████ - BUKIDNON (NEGROS)

ALAWAN CALAMIAN IS.

- MAJOR GROUPS
- ████ - TAGBANWA
  - ████ - PALAWAN
  - ████ - MOLBOG (MUSLIM)

MINOR GROUPS

- - TAGBANWA
- ████ - BATAK (NEGRITO)


MINDANAO

- MAJOR GROUPS
- ████ - SUBANON
  - ████ - MARANAQ (MUSLIM)
  - ████ - BUKIDNON GROUPS
  - ████ - MANOBO GROUPS
  - - ATA
  - ████ - MANFAYA - MANSAKA
  - ████ - KALAGAN (MUSLIM)
  - ████ - BABOBO
  - ████ - KULAMAN
  - ████ - BILAAN
  - ████ - MAGINSANAO (MUSLIM)
  - ████ - TAGABILI
  - ████ - TIRURAY
- MINOR GROUPS
- ████ - MAMAHONA
  - ████ - ISAMAL
  - - SANGIL (MUSLIM)

ULU

MAJOR GROUPS

- ████ - YAKAN (MUSLIM)
- ████ - TAWSUG (MUSLIM)
- ████ - SAMA (MUSLIM)
- - JAMA MAPUN (MUSLIM)
- ████ - UNKNOWN




Peta 2

Kedudukan Kaum Suluk (Tawsug)  
dan Irranun di Filipina.

tahu mengenai pembuatan sigah Sulaman. Dengan lain perkataan Suluk di Filipina tidak membuat Sulaman khususnya sigah Sulaman. Kenyataan ini walaupun bersifat teoritikal tetapi mungkin ada kebenarannya. Sepanjang kajian perpustakaan yang pengkaji lakukan mengenai seni tekstil di Filipina, pengkaji tidak menemui sebarang catatan mengenai seni Sulaman mereka. Apa yang pengkaji temui ialah suku Suluk adalah terlibat dengan sigah tenunan (Rujuk Gambar 3). Lagipun Suluk dan Maranao (Irranun) di Filipina adalah kaum yang berdekatan. Tidak menghairankan jika kelihatan banyak kesamaan motif dalam tenunan mereka.

Satu perkara yang tidak boleh diketepikan dalam menghadapi persoalan ini ialah, menurut Puan Kambang, kaum Suluk tidak membuat kain atau benang untuk disulam tetapi memperolehi bahan-bahan ini dari kedai-kedai Cina semenjak kedatangan Cina di Sabah. Puan Kambang menegaskan bahawa idea sulaman (menyulam) sigah hanya dilakukan selepas berada di Sabah. Idea ini sebenarnya diperluaskan penggunaanya daripada mencorakkan kain dan pakaian kepada teknik menghias sigah.


Sebagai kesimpulannya walaupun catatan bertulis tidak diperolehi tentang asal-usul sigah sulaman di Sabah, namun dengan mengesan sejarah kedatangan suku Suluk yang berlaku mungkin beratus tahun dahulu (hingga kini) maka dapat disimpulkan bahawa sigah sulaman juga berasal dari Filipina. Bila seni ini sampai di Sabah, ia telah dikembangkan melalui proses invintasi semula (reinvented). Dalam pada itu tidak dapat disangkal bahawa Sabah dan Filipina mempunyai banyak persamaan budaya khususnya setelah banyak kelompok-kelompok masyarakat Filipina berhijrah ke Sabah sejak 200 tahun yang lalu.



Gambar 3

Tenunan Suluk (Tausug)  
di Mindanao barat, Filipina.

Sumber: Rubinstein, 1985





### 2.3.2 Peralatan Menyulam

Peralatan yang diperlukan untuk menjalankan proses penyulaman sigah adalah mudah tetapi kerja-kerja menyulam yang dijalankan memerlukan ketelitian yang tinggi. Penyulam yang baik ialah mempunyai daya imaginasi warna yang tinggi. Keperluan yang tidak kurang pentingnya ialah keupayaan fizikal seperti ketajaman penglihatan (mata) dan ketahanan pinggang. Ini kerana kerja-kerja ini dilakukan secara duduk menunduk. Semakin sulaman ke bahagian tengah, penyulam terpaksa semakin tunduk.

Rajah 9 menunjukkan satu set bangkaran (Su) iaitu tempat di mana kain yang akan disulamkan benang akan ditegangkan. Pembentangan kain ini untuk memudahkan kerja-kerja melukis motif dan corak dan juga untuk memudahkan kerja menyulam.

Set bangkaran dibuat daripada bahan-bahan yang mudah didapati. Bahan-bahan yang diperlukan ialah 4 batang beruti berukuran 1"2" dengan panjang lebih kurang 1.5 meter setiap satu. Batang beruti ini digunakan untuk membuat rangka bangkaran.

Sementara itu 2 helai kain yang mempunyai warna yang berbeza (tanpa corak) dijahit berlapisan yang menampakkan kain-kain itu seolah-olah sehelai. Biasanya warna-warna kain yang digunakan ialah warna yang garang dan terang. Warna yang biasa digunakan ialah kombinasi hitam dan merah, orange dan hitam, orange dan merah jambu (pink) kuning dan orange, hitam dan orange. Menurut Puan Kambang, kombinasi warna yang mahu digunakan adalah terpulang kepada penyulam dan tiada peraturan khusus tentang warna ini. Apa yang jelas ialah warna-warna 'hangat' adalah menjadi pilihan utama untuk kain latar. Saiz kain yang tetap ialah 1.4



Rajah 10

Kedudukan lusuk-lusuk dalam bangkaran

meter. Walau bagaimanapun saiz juga adalah bergantung kepada kesesuaian penempah atau pembeli.

Selepas itu, 0.1 meter di keempat-empat tepi kain itu dibiarkan (tidak terlibat dengan sigah yang sebenar). Bahagian ini digunakan untuk mengikatkan kain pada set bangkaran. Kain ini diikat pada set bangkaran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10. Lusuk-lusuk (Su) dimasukkan pada lubang yang terjadi bila 2 helai kain itu dijahitkan di bahagian tepi dan pada garisan jahitan1. Lusuk-lusuk ini yang berfungsi sebagai 'tulang' bertujuan untuk memberikan tegangan yang seimbang ke atas seluruh permukaan kain. Ia juga akan mengelakkan kain terkoyak jika diikatkan tanpa lusuk-lusuk.

Tiang yang dipanggil hag (Su) oleh kaum Suluk diletakkan di keempat-empat penjuru bangkaran membentuk seolah-olah sebuah meja. Ruang bawah ini memberikan ruang kepada penyulam duduk dan ruang untuk jarum sulam tembus ke bawah dan ke atas. Hag ini bersifat mudah-alih untuk memudahkan set bangkaran dikemaskan atau disandarkan pada dinding rumah.

Selain daripada keperluan asas yang disebutkan itu peralatan seperti gunting, pisau cukur, jarum berlubang secukupnya, benang yang berwarna-warni, pensel dan benang emas berantai untuk menghias bahagian tepi sigah.


### 2.3.3 Proses Menyulam dan Menghias

Selepas semua peralatan ini dipasang, penyulam akan memulakan kerja-kerja melukis corak di atas permukaan kain. Kerja melukis dilakukan dengan menggunakan pensel. Pelukis corak adalah seorang yang pandai

menyulam tetapi seorang penyulam biasanya belum tentu dapat melukis corak dengan baik. Dalam kes Kg. Landung Ayang Laut, Puan Kambang sering dijemput untuk melukiskan corak dan upah yang biasa diberikan ialah di antara \$15.00 hingga \$20.00.

Kerja melukis corak perlu dilakukan dengan teliti supaya corak seimbang di antara keempat-empat bahagian kain. Ini kerana penyulam akan mengikut sahaja bentuk danimbangan motif yang telah dilukis semasa menyulam dan menumpukan perhatian untuk kombinasi danimbangan warna.

Rajah 11 menunjukkan bahagian-bahagian yang akan mempunyai corak yang sama. Bila corak bertemu di sempadan bayangan itu objek lengkap akan terbentuk. Misalnya untuk membentuk kubah penjuru b2 dan b3 harus mempunya motif separuh kubah untuk dipadankan dengan motif kubah di bahagian penjuru bahagian lain. Ini ditunjukkan dalam Rajah 11.



Rajah 11  
Bahagian corak yang sama dalam sigah sulaman.

Biasanya kerja-kerja menyulam mula dilakukan sebaik sahaja kira-kira 30% corak dilukis di atas kain. Misalnya selepas pelukis memenuhi bahagian A, corak di bahagian B, C dan D akan mengikut corak bahagian A untuk mendapat kesanimbangan.

Benang yang terdiri dari berbagai warna digunakan untuk disulamkan di atas lakaran yang disediakan. Warna-warna benang yang digunakan bersifat 'terang' dan 'hangat'. Warna benang yang biasa digunakan ialah merah, hijau, putih, ungu, kuning, biru, merah jambu dan 'oren'.

Tiada peraturan tertentu untuk menetapkan jumlah warna yang harus digunakan. Biasanya tidak kurang dari 7 warna. Menurut Puan Kambang sekiranya warna itu kurang dari yang sepatutnya maka akan kelihatan sigah sulaman itu akan didominasi oleh satu-satu warna. Keadaan ini tidak menampakkan 'kemeriahahan' warna. Konsep bilangan/jumlah warna di sini ialah semakin banyak warna digunakan semakin baik kemeriahahan yang ditunjukkan.

Dalam menjalankan penyulaman, penyulam perlu mengimbangkan penggunaan warna supaya tiada warna yang kelihatan menonjol. Misalnya jika warna kuning dan putih terlalu banyak digunakan, boleh menyebabkan sigah itu kelihatan 'pucat' dan lari dari konsep 'terang' dan 'meriah' sebagaimana yang sepatutnya. Kemahiran mengimbangkan warna diperolehi melalui latihan dan pengalaman.

Kerja menyulam dimulakan di bahagian tepi. Ini kerana lebih mudah melihat imbalan corak apabila sulaman akan berkembang ke bahagian tengah secara berperingkat-peringkat. Corak di bahagian tepi lebih padat berbanding dengan bahagian tengah (Rujuk gambar 2). Ini kerana bahagian tepi adalah bahagian yang terpamer bila sigah sulaman dipakai. Rujuk gambar 4 dan 5.



Gambar 4

Sigah Sulaman sedang dipakai



Gambar 5

Sigah Sulaman sedang dipakai

Apabila kerja-kerja di bahagian tepi selesai, penyulam secara beransur-ansur bergerak ke bahagian tengah. Semua kerja sulaman akan diakhiri di bahagian tengah. Menurut Puan Kambang, kerja-kerja di bahagian tengah agak meletihkan berbanding dengan bahagian tepi kerana perlu lebih membongkok untuk menjangkaukan jarum sulam tembus ke bawah dan ke atas.

Proses menyulam sebuah sigah mengambil masa lebih kurang 3 bulan. Masa ini agak lama kerana di samping kerumitannya, ia juga dijalankan secara sambilan oleh surirumah khususnya di Kg. Landung Ayang Laut. Biasanya selepas menghabiskan kerja surirumah seharian seperti memasak, membasuh, menidurkan anak dan sebagainya barulah mereka menyulam. Puan Halimah<sup>18</sup> menceritakan beliau lebih banyak menyulam pada sebelah malam selepas anak-anak tidur. Pendeknya masa bekerja adalah tidak tetap. Puan Halimah menganggarkan kira-kira 3 hingga 4 jam sehari.

Setelah kerja-kerja menyulam selesai, kain sigah yang telah siap itu dipotong dari set bangkarai. Pemotongan dibuat pada garis potongan iaitu kira-kira 2 mm dari corak yang paling tepi (lihat Gambar 6 & 7). Sigah itu kemudian dibasuh dan dikeringkan. Ini untuk menanggalkan kesan-kesan lukisan dan kotoran yang terkena selama proses pembuatannya.

Selepas kering bahagian tepi dihias dengan menjahitkan benang emas yang berangkai-rangkai. Sebaik sahaja selesai menghiaskan benang emas, sigah tersebut sedia untuk dipakai atau dipasarkan.


---

<sup>18</sup>Puan Halimah Bte Haji Julaidi merupakan anak Puan Kambang Bte Lias. Beliau adalah salah seorang penyulam yang terbaik di Kampung Landung Ayang Laut. Bertugas sebagai surirumah sepenuh masa, mempunyai tiga orang anak. Beliau berumur 27 tahun.



Gambar 6 dan 7

Garis corak sulaman



## 2.4 Memakai Sigah

Memakai sigah juga merupakan satu cabang seni dan budaya yang memancarkan kebudayaan satu-satu kumpulan masyarakat. Malah jika diperhatikan dengan teliti kaum-kaum seperti Rungus, Bajau/Irranun, Kadazan, Suluk dan Kadazan Dusun Begahak, Lotud dan Kimaragang dapat dibezakan hanya dengan melihat cara mereka memakai sigah.

Di Sabah tidak kurang dari 12 jenis pemakaian sigah. Bentuknya memperlihatkan berbagai perbezaan tapi konsepnya sama iaitu melilit dan mengikatnya di kepala. Cara lipatan, gulungan dan ikatan akan menentukan bentuk sigah yang siap.

Untuk kajian ini pengkaji memberikan tumpuan kepada kaum Rungus. Bagi kaum Rungus, kebudayaan memakai sigah telah menjadi sebahagian dari kelengkapan berpakaian. Dalam cerita-cerita rakyat yang pengkaji dengar, pemakaian sigah menjadi suatu kebiasaan dalam majlis keramaian seperti perkahwinan, kaamatan (menuai), maupun dalam upacara ritual. Bahkan untuk perjalanan jauh dan di ladang juga sigah dipakai.

Semasa majlis-majlis rasmi tradisional, pemakaian sigah memainkan peranan untuk menunjukkan kegembiraan dan penghormatan seseorang dalam majlis ini. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam setiap jenis pemakaian sigah kaum Rungus.

Bagi masyarakat Rungus kini sigah sulaman Suluk dan sigah tenunan Irranun sama-sama digunakan. Walau bagaimanapun pengkaji dapati sigah sulaman Suluk lebih diminati kerana ia menunjukkan prestij yang lebih tinggi kepada pemakainya. Selain harganya yang dijual di antara \$300 hingga \$700 sebuah, kerumitan membuatnya juga menjadi ukuran nilai prestij yang terkandung dalamnya.

Namun begitu pemakaian sigah tenunan Irranun juga memdapat sambutan. Harganya yang lebih murah iaitu antara \$120.00 ke \$200.00 sebuah membolehkan ia dimiliki oleh kebanyakan orang. Tidak kira sigah sulaman atau tenunan, terdapat enam jenis pemakaian sigah yang diamalkan oleh kaum Rungus. Jenis-jenis tersebut ialah:

- (a) Pinandasan (Pinitibas)
- (b) Kunatong
- (c) Kinonduung
- (d) Tinapako
- (e) Ininsasangau
- (f) Kinutupung

Tiap-tiap jenis ikatan dan bentuk sigah ini mempunyai fungsi dan gambaran tertentu.

(a) Pinandasan (Rujuk Gambar 8)

Istilah pinandasan merupakan nama khas yang diberikan untuk sigah yang siap dibentuk sebagai pinandasan. Cara sigah ini diikat dikenali sebagai pinitibas. Cara membuatnya ditunjukkan dalam jadual membuat sigah Rungus. Ciri utama sigah pinandasan ialah tepi kain yang padat dengan corak ditonjolkan bersama-sama dengan hiasan benang emas. Motif sisik naga menjadi motif utama yang ditunjukkan.

Sigah ini diiktiraf sebagai ikatan yang paling penting dalam hirarki Ikatan Sigah Rungus. Ikatan ini biasanya ditunjukkan dalam merayakan majlis-majlis tradisional yang membawa keriangan seperti perkahwinan kepada kaum Rungus di Kudat.

Gambar 8

Ikatkan Pinandasan dan Perkahwinan





Gambar 9

Ikatan Kunatong



Gambar 10  
Ikatan Tinapako

Untuk pasangan yang berkahwin (lelaki) mestilah memakai sigah pinandasan untuk menunjukkan 'kehebatannya'. Bagaimanapun tiada peraturan khas untuk mewajibkan pangkat sosial tertentu untuk memakai sigah pinandasan. Dengan kata lain ia boleh dipakai oleh semua orang kerana ia sebenarnya lebih berfungsi sebagai menunjukkan kegembiraan daripada menunjukkan kedudukan sosial.

(b) Kunatong (Rujuk Gambar 9)

Menurut Encik Daang Ompirang, nama sigah ini adalah merupakan nama suku yang dipercayai sudah pupus yang dipercayai merupakan kaum yang tinggal berhampiran dengan kaum Rungus suatu masa dahulu. Ikatan kunatong mempunyai persamaan dengan pinandasan iaitu menonjolkan corak tepi dan hiasan benang emas. Satu ciri yang membezakan ikatan kunatong dengan pinandasan ialah ia mempunyai 'ekor' di sebelah kanan kepala. 'Ekor' ini sebenarnya dalam keadaan menegak dan ini sesuai untuk sigah yang masih baru.

Kunatong juga adalah antara ikatan yang penting tapi tidak popular kerana cara ikatan yang agak sukar dibuat. Selain dari itu ramai kalangan generasi baru tidak pun mengetahui adanya ikatan jenis ini. Seperti pinandasan, kunatong juga dipakai dalam majlis-majlis keramaian untuk menunjukkan kegembiraan si pemakai.

(c) Tinapako (Rujuk Gambar 10)

Ikatan tinapako mudah dikenali kerana sudut kain sigah dibiarkan



Gambar 11  
Ikatan Kinendung



Gambar 12

Ikatan Ininsasangau

menutup bahagian tenguk pemakai. Cara mengikatnya ditunjukkan dalam jadual membuat sigah (Rungus). Ikatan ini cuba menonjolkan semua permukaan sigah. Pembuat haruslah tidak menggulung/melipat semua bahagian sigah dengan meninggalkan puncak segitiga di peringkat ketiga membuatnya. Rambutnya adalah kelihatan.

Ikatan tinapako ini juga dipakai dalam majlis-majlis keramaian dan amat menarik dipakai jika ia mempunyai corak dan motif yang padat di bahagian tengah sigah.

(d) Kinonduang (Rujuk Gambar 11)

Ikatan kinonduang mempunyai persamaan ikatan dengan tinapako. Pemakai tinapako cuma perlu menaikkan puncak segitiga ke atas. Ikatan ini juga untuk dibawa ke majlis-majlis keramaian. Ikatan ini sesuai untuk sigah yang masih baru sebab ia agak keras dan mudah ditegakkan. Rambut adalah kelihatan.

(e) Ininsasangau (Rujuk Gambar 12)

Suatu ciri yang unik dalam ikatan jenis ini ialah ia bertanduk, sesuai dengan namanya ininsasangau yang mempunyai bermakna lebih kurang bertanduk. Ikatan ini agak sukar dibuat tetapi amat digemari oleh generasi muda kaum Rungus di kawasan Pitas, Kanibungan, Tangkarason dan Semenanjung Bengkoka.<sup>19</sup> Ikatan ini terbuka dan rambut adalah kelihatan.

---

<sup>19</sup> Kawasan-kawasan ini berada di bahagian utara pantai Timur Negeri Sabah.



Gambar 13  
Hutan Kinutupung

Ikatan ini lebih bersifat untuk menunjukkan keriangan 'muda-mudi' yang inginkan sesuatu yang lain dari yang lain. Dalam istilah Rungus kegembiraan yang dikenali sebagai dumazau atau ingin menunjukkan sesuatu sambil bergembira (terjemahan kurang tepat). Biasanya dipakai oleh muda-mudi (lelaki) semasa mongivas atau berkunjung ke majlis keramaian.

Sebaliknya tiada peraturan yang ketat tentang siapa yang harus memakai ikatan ini. Orang tua sekalipun jika berminat... apa salahnya.

(f) Kinutupung (Rujuk Gambar 13)

Satu-satunya keistimewaan kinutupung ialah menutup semua bahagian atas (rambut) kepala. Ini sesuai dengan namanya kinutupung yang membawa maksud lebih kurang 'bungkus' (terjemahan kurang tepat). Tidak seelihatan bahagian yang cuba ditonjolkan kerana pada pendapat penulis, ikatan ini lebih bersifat pelindung kepala daripada penghias kepala.





Menurut Encik Daang Ompirang ikatan ini lebih banyak digunakan untuk bekerja di ladang daripada untuk majlis keramaian. Sesuai dengan fungsinya sebagai pelindung. Ikatan ini juga lebih banyak dipakai semasa di rumah atau ke majlis-majlis tidak rasmi seperti tamu dan semasa menonton bola sepak di padang.

Sebagai kesimpulannya dapat diperhatikan dalam kebudayaan Rungus bahawa pemakaian sigah amat berkait rapat dengan kehidupan sosial mereka khususnya dalam majlis-majlis formal. Pemakaian sigah dapat memberikan gambaran perasaan individu dalam satu-satu majlis keramaian. Dalam majlis keramaian sigah dapat dilihat sebagai suatu cara menunjukkan sentimen kolektif masyarakat yang menghadirinya.

## Jadual 2





### Teknik lipatan dan ikatan sigah Rungus

Pinandasan







(Gambar 8)

Kunatong



(Gambar 9)

Tinapako



(Gambar 10)

#### Petunjuk:



= lipat







= gulung

## Jadual 2 (sambungan)





### Teknik lipatan dan ikatan sigah Rungus

Kinendung







(Gambar 11)

Ininsasangan



(Gambar 12)

Kinutupung




(Gambar 13)

#### Petunjuk:



= lipat



= gulung

Terdapat juga unsur-unsur hirarki dalam jenis ikatan sigah. Pemakai perlu menyesuaikan ikatan dengan jenis majlis, usianya dan usia sigahnya. Sigah yang sudah lama tidak sesuai diikat kunatong kerana ia akan memperlihatkan sigah itu sudah 'antik'. Sebaik-baiknya pemakai dapat menonjolkan sesuatu yang istimewa pada sigahnya. Walau bagaimanapun semua pilihan ini bersifat kegemaran individu dan tiada peraturan ketat tentang pemilihan ini.

Sebaliknya pemakaian sigah juga mempunyai hubungan dengan hukum adat dalam keadaan tertentu dan bahagian ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 5: Sigah dari Masyarakat.

## 2.5 Kesimpulan

Sebagai rumusannya adalah jelas didapati bahawa teknologi pembuatan sigah adalah bukan saja warisan yang masih diteruskan, tetapi juga merupakan menjadi sebahagian kebudayaan kebendaan masyarakat yang terlibat.

Tanpa teknologi pembuatan sigah, tidak mungkin sigah dapat dihasilkan. Melalui bahagian ini proses pembuatan sigah akan lebih difahami khususnya masyarakat di luar pembuat sigah. Pengetahuan ini akan membawa penghayatan budaya benda yang lebih bermakna.

Soal simple atau kompleksnya sesuatu teknologi bukanlah ukuran untuk mengabaikan atau memelihara teknologi itu. Apa yang lebih penting ialah memahami atau sekurang-kurangnya mengetahui teknologi itu.